

# Nik Aziz akui pertemuan dengan PM direstui Semangat 46

KUMPAT 14 Ogos — Menteri Besar Kelantan berkata pemergiannya bertemu dengan Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur baru-baru ini direstui oleh Parti Semangat 46.

Haji Nik Aziz Nik Mat berkata, perkara pokok pertemuan itu ialah untuk menjernihkan hubungan antara kedua belah pihak dan tidak sepatutnya pihak tertentu mempolitikkan perkara tersebut.

"Perjumpaan saya dengan Perdana Menteri telah dimaklumkan kepada pemimpin parti komponen dalam mesyuarat penyelarasan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada 1 Ogos lalu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar tergepar di markas besar Semangat 46 dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang di sini petang ini.

Sidang akhbar itu diadakan bagi menolak laporan akhbar

semalam mengatakan beliau tidak memberitahu mana-mana pemimpin 46 mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri.

Turut hadir ialah Pengerusi Badan Perhubungan Semangat 46 Kelantan yang juga Timbalan Menteri Besar, Haji Rozali Isohak.

Malah Haji Nik Aziz berkata, hasrat beliau untuk berjumpa dengan Perdana Menteri telah disuarakan secara terbuka dalam temuramah dengan wartawan Utusan Melayu, Cik Rosnah Majid sebaik sahaja mem-

gang jawatan Menteri Besar tahun lalu.

Hasil pertemuan itu, baru-baru ini, beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana membuat kenyataan bahawa Kerajaan Pusat tidak akan menyekat bantuan untuk Kelantan.

"Bila kasih mesra terjalin, dan tidak timbul niat jahat atau prasangka buruk, maka segala masalah sosial dan subsidi akan selesai," katanya.

Dalam pada itu, Setiausaha Politik kepada Menteri Besar,

Haji Rahim Haji Hassan ketika menyentuh mengenai laporan yang mengatakan Pas kini telah berbaik-baik dengan UMNO, berkata:

"UMNO dan Pas ialah dua buah parti yang bercanggah dasar dan soal ideologi jauh sekali.

"Tetapi berbeza dengan Semangat 46, hubungan Pas dengan parti itu mulai rapat apabila Semangat 46 menerima Islam sebagai Addin," tegasnya sambil berkata, para pemberita hanya mencari pasal jika terus membuat cerita berkenaan.